



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PEMERIHAN TAUTAN DALAM WACANA MANTERA

HASSAN HASBOLLAH.

FBMK 2006 21

PEMERIHALAN TAUTAN DALAM WACANA MANTERA

Oleh

HASSAN BIN HASBOLLAH

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia
Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2006



Dedikasi

Dengan penuh kesyukuran dan limpah kurnia-NYA,
Kuabadikan segala usaha ini:

Untuk ibu

Allahyarhamah Mariah bt Kasman
yang tidak berpeluang mengecapi kejayaanku, tetapi sepanjang
hayatnya sentiasa mendoakan kejayaan usahaku
dan yang paling banyak berkorban

Untuk ayah

segala pengorbananmu kuingat selalu

Untuk isteri dan anak-anak

Masihah, Muhammad Afiq, Nisa Nabilah, dan Nisa Haziqah
yang sentiasa menjadi penyeri hidup dan penyuntik semangatku
agar gigih dan terus mencabar diri

Untuk kakak, abang, adik dan saudara maraku
jasa dan bantuan kalian kusanjung tinggi

Untuk guruku

yang banyak berbudi dengan ilmu

Untuk rakan-rakan seperjuangan

menghargai segala sokongan dan nasihat yang menjadi
pembentuk semangat dan keyakinan yang kental



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

PEMERIHALAN TAUTAN DALAM WACANA MANTERA

Oleh

HASSAN BIN HASBOLLAH

Oktober 2006

Pengerusi: Profesor Madya Noor Aina Dani, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menganalisis tautan dalam wacana mantera etnik Kedayan Sarawak. Fokus kajian ialah 253 wacana mantera yang diperoleh daripada 23 informan di 8 buah kampung Kedayan. Teknik persampelan tak probaliti dan persampelan bertujuan digunakan untuk memilih 23 informan tersebut. Strategi yang digunakan ialah persampelan rantai, iaitu seseorang unforman dikenal pasti dapat menghasilkan mantera dilakukan secara berantai dengan cara maklumat informan selanjutnya diketahui melalui maklumat informan yang terdahulu. Dalam kajian ini, kerangka analisis model Halliday dan Hasan (1976) telah digunakan sebagai dasar analisis, dan telah diterapkan dalam analisis Model Tautan Pindaan (2002) untuk membincangkan tautan dalam wacana mantera etnik Kedayan Sarawak.

Hasil kajian mendapati 3 jenis tautan utama, iaitu tautan perulangan, tautan kolokasi, dan tautan penghubung ayat yang menjadi tonggak analisis model tautan, didapati berwibawa dan berkesan mengenal pasti tautan dalam wacana mantera. Tautan perulangan paling banyak diperoleh, diikuti tautan kolokasi, dan tautan penghubung



ayat.

Tautan perulangan terbahagi kepada 7 subjenis tautan dan dikenal pasti memang mempunyai kekerapan ikatan tautan, iaitu paling banyak dalam tautan perulangan leksikal, diikuti rujukan, struktur dan makna sama, elipsis, parafrasa, paralelisme, dan penggantian. Dalam tautan perulangan rujukan, bentuk rujukan dapat dikelompokkan kepada rujukan ganti nama, tunjuk, dan bandingan. Tautan perulangan penggantian dan elipsis dikelompokkan pula kepada namaan, kerjaan, dan klausaan. Tautan perulangan parafrasa, paralelisme, dan struktur dan makna sama didapati memperlihatkan unsur yang bertaut bertaraf frasa atau klausa, manakala tautan perulangan leksikal mempunyai 10 golongan struktur leksikal, iaitu leksikal bentuk dan makna sempurna, kata umum, kata sinonim, kata akar, kata kerja, leksikal nama khas, leksikal adjektif, kata majmuk, leksikal gandaan dengan bukan gandaan, dan leksikal gandaan. Sejumlah 820 mantera terlibat dalam tautan perulangan yang juga merupakan yang tertinggi.

Bagi tautan kolokasi, penelitian tautan berjaya dilaksanakan melalui 4 subjenis tautan, iaitu tautan kolokasi antoniman, tautan kolokasi kohiponiman, tautan kolokasi hasil, dan tautan kolokasi sifat. Antara 4 tautan kolokasi itu, paling banyak ikatan tautan berlaku dalam tautan kolokasi kohiponiman, diikuti kolokasi sifat, tautan kolokasi antoniman, dan tautan kolokasi hasil. Keempat-empatnya mempunyai konstruk ikatan tautan yang terdiri daripada unsur lingusitik di peringkat kata, frasa, dan klausa. Walau bagaimanapun tautan kolokasi antoniman, kohiponiman dan sifat sangat produktif di peringkat kata, manakala tautan kolokasi hasil produktif di peringkat klausa. Sejumlah



665 mantera terlibat dalam tautan kolokasi yang juga merupakan kedua tertinggi.

Usaha menganalisis tautan dalam wacana mantera juga dapat dilaksanakan dengan berkesan menggunakan tautan penghubung ayat, melalui 5 subjenis tautannya. Antara 5 subjenis tautan penghubung ayat, tautan penghubung ayat tambahan paling banyak ikatan tautan, diikuti tautan penghubung ayat sebab-musabab, waktu, tentangan, dan tidak ada ikatan dalam tautan penghubung ayat terusan. Tautan penghubung ayat tambahan didapati mendukung isyarat makna khusus penegasan, penerangan, tambahan sebenar, persamaan, dan pilihan. Tautan penghubung ayat tentangan dengan makna khusus tentangan sebenar 'walaupun', manakala penghubung sebab-musabab dengan makna khusus sebab-akibat dan sebab-bersyarat. Tautan penghubung ayat waktu pula mendukung makna khusus urutan, perhinggaaan waktu, syarat-waktu, dan waktu batas-dahulu. Ternyata penghubung bentuk kata adalah yang paling produktif dalam 4 subjenis tautan penghubung ayat tersebut.

Dapatan kajian tentang pendokumentasian menunjukkan kebanyakan mantera dikuasai oleh golongan tua. Dari segi jenis mantera, paling banyak ialah jenis mantera perborohan dan perbidanan, diikuti jenis mantera pakaian diri, pembantu pekerjaan, dan kegunaan dalam upacara.

Oleh yang demikian, analisis model tautan didapati berwibawa dalam meneliti wacana mantera. Analisis model tautan telah menghasilkan dapatan kajian yang jitu tentang tautan dalam wacana mantera yang bercirikan jenis pengucapan bentuk puisi bebas.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

ELABORATION OF COHESION IN INCANTATION DISCOURSE

By

HASSAN BIN HASBOLLAH

October 2006

Chairman : Associate Professor Noor Aina Dani, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The study aimed to analyse cohesion in incantation discourse of Sarawak Kedayan ethnic. The study focus on 253 incantation discourse which was produced by 23 informants from 8 Kedayan village. Non-probability sampling and purposive sampling technique was being used to select the 23 informants. The strategy that was undertaken was snowball sampling, whereby that individual informant which are able to produce incantation was selected through snowball technique, that is information of the latter informant is known through the former informant. In the present study, the Halliday and Hasan Model (1976) analysis framework was being used as the main basic analysis tool, and that framework was being apply in the Amendment Cohesion Model (2002), to elaborate cohesion in incantation discourse of the Sarawak Kedayan ethnic.

The results of the study showed that 3 main types of cohesion, that is repetitive cohesion, collocative cohesion and conjunctive cohesion which become the pillar of cohesion model analysis is established as a capable and effective way to recognise



cohesion in incantation discourse. Repetitive cohesion is most found, followed by collocative and conjunctive cohesion. Repetitive cohesion is divided into 7 subtypes of cohesion and is established as being able to own frequent cohesion links, that is most found in lexical cohesion, followed by reference, similared semantic and structure, ellipsis, paraphrase, parallelism and substitution. In reference cohesion, the forms of reference can be categorised into personal reference, demonstrative reference and comparative reference. The substitution and ellipsis cohesion can be categorised into 3 types; nominal, verbal and clausal. The paraphrase, parallelism and similared semantic and structure cohesion is established being able to show item that cohere are phrase and clausal types. While lexical cohesion comprised of 10 structured types of lexical, that is perfect form and semantic lexical, general word, synonym, root word, verb, exclusive noun lexical, adjective lexical, compound word, reduplication lexical with non-reduplication and reduplication lexical. There is 820 pieces of incantation in repetitive cohesion which is also the highest amount found.

For collocative cohesion, the scrutiny of cohesion is successfully carried out through 4 subtypes of collocative cohesion, that is antonym, cohyponym, product and feature. Out of that 4 types of collocative cohesion, the highest cohesion links is in cohyponym collocative cohesion, followed by feature collocation, antonym and product collocative cohesion. Thats four has cohesive links of a construct make up of linguistics item at word, phrase and clausal level. Nevertheless, antonym collocative cohesion, cohyponym and feature is very productive at word level, while product collocative cohesion is most productive at clausal stage. There are 665 pieces of incantation in



collocative cohesion which is also the second highest.

The effort of analysing cohesion in incantation discourse can also be done effectively by using conjunctive cohesion, through 5 subtypes of its cohesion. Out of that 5 subtypes of conjunctive cohesion, additive conjunction is highest in cohesion links, followed by causal conjunction, temporal conjunction, adversative conjunction and none in continuative conjunction. Additive conjunction is established to carry out indication of exclusive meaning such as stressing, informing, true additive, similarity and choice. The adversative conjunction with its exclusive meaning of true adversative of 'though', while causal conjunction with its exclusive meaning of cause-effect and cause-condition. Whereas temporal conjunction performed exclusive meaning of sequence, temporal-until, temporal-condition and past-limit temporal. Thus, it has been proved that, conjunction in word form is the highest in that 4 subtypes of conjunctive cohesion.

The outcome of the research on documentation of Kedayan incantations also indicates that most incantation was dominated by the old age group. In terms of incantation types most are found in midwife and medicine-man practitioners, followed by body self protection incantation, job aid incantation and ceremonial incantation.

Thus, cohesion model analysis is established as a capable way of recognizing incantation discourse. Cohesion model analysis has resulted in significant findings about cohesion in incantation discourse which was characterized by oration of poems.

PENGHARGAAN

Atas limpah dan kurniaan-Nya penulis bersyukur ke hadrat Allah S.A.W kerana memberi keizinan kesihatan, ketenangan fikiran, dan ketabahan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih terutama kepada Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan tesis, kerana jasa dan kegigihannya yang tidak terhingga dalam membimbing, membaca, menyemak dan memberikan cadangan yang berguna untuk meningkatkan mutu dan kerja-kerja menyiapkan tesis ini dari awal hingga akhir. Tanpa kudrat dan sentuhan ilmu beliau, tesis ini tidak akan sesempurna yang diharapkan. Begitu juga kepada Dr. Zaitul Azma bt Zainon Hamzah dan Dr. Samsina Abdul Rahman selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis, yang sentiasa gigih dan banyak membantu dalam penyiapan tesis ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan juga kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak mencurahkan ilmu, tunjuk ajar dan bimbingan yang bersifat ilmiah semasa saya menuntut di Universiti Putra Malaysia.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Jabatan Pendidikan Bahagian Limbang kerana telah memberi kebenaran untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang tertinggi ini.



Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua informan yang terlibat, ketua-ketua kampung, ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua jabatan kerajaan, semua penduduk kampung Kedayan dan orang perseorangan etnik Kedayan kerana memberikan kerjasama yang tidak terhingga hingga siapnya kajian ini.

Dalam kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah dan Pegawai Arkib serta kakitangan Bahagian Perpustakaan, Jabatan Muzium Sarawak kerana telah banyak memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam penyiapan tesis ini.

Tidak ketinggalan juga diabadikan ucapan terima kasih ini kepada ibu bapa dan keluarga saya atas kesabaran, sokongan, dan dorongan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Akhirnya, kepada semua yang terlibat yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu di sini, saya ucapkan jutaan terima kasih dan sangat menyanjung tinggi segala bantuan yang diberikan. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa dan budi baik mereka itu.

Wassalam.

BERILMU BERBAKTI

HASSAN BIN HASBOLLAH



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Hassan bin Hasbollah telah mengadakan peperiksaan akhir pada 16 Oktober 2006 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Pemerihalan Tautan dalam Wacana Mantera” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti yang berikut:

Che Ibrahim bin Hj. Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood Musanif, PhD


Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Lim Swee Tin, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Noriah Mohamed, PhD

Profesor Madya
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)



HASANAHT MOHD. GHAZALI, PhD
Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 DISEMBER 2006

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Noor Aina Dani, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Zaitul Azma bt Zainon Hamzah, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)


Samsina Abdul Rahman, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)



AINI IDERIS, PhD

Profesor/Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 JANUARI 2007



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis ini. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



HASSAN BIN HASBOLLAH

Tarikh: 20 DISEMBER 2006

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
PENGESAHAN	xi
PERAKUAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI SINGKATAN	xxi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Masyarakat Kedayan di Sarawak	1
Mantera dalam Kehidupan Masyarakat Kedayan	11
Pernyataan Masalah	15
Persoalan Kajian	17
Objektif Kajian	18
Kepentingan Kajian	18
Batasan Kajian	21
Definisi Operasional	22
Analisis Model Tautan	22
Wacana	23
Mantera Etnik Kedayan Sarawak	23
Kesimpulan	24
2 SOROTAN KAJIAN	25
Pengenalan	25
Kajian Struktur Tema Wacana dan Tautan (Danes, 1974)	45
Kajian Tautan dalam Bahasa Inggeris (Halliday dan Ruqaiya Hasan, 1976)	32
Kajian Tautan dan Stilistik (Sherris, 1995)	36
Kajian Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik (Sato, 1997)	41
Kajian Hubungan Urutan Tanya-Jawab dalam Wacana Novel Bahasa Melayu (Ahmad Mahmood Musanif, 1998)	44
Kajian Tautan Sebagai Pengukur dalam Analisis Generik (Taboada, 2000)	47
Kajian Mantera Melayu Sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis	



	Pemikiran Melayu (Haron Daud, 2001)	52
	Kajian Analisis Tautan dan Implikasi Penggunaan Tautan dalam Bahan Sastera untuk Pembelajaran Bahasa Kedua (Christmas, 2001)	58
	Kajian Tautan dan Koheren dalam Penulisan Bahasa Inggeris Kanak-Kanak di Kelas Campuran dan Kelas Bahasa Inggeris Sepenuhnya (Jungok Bae, 2001)	64
	Kajian Pemahaman Teks dan Hubungan dengan Koheren dan Tautan dalam Naratif Fiksyen Kanak-Kanak (Cain, 2003)	69
	Kesimpulan	73
3	METODOLOGI	76
	Reka Bentuk Kajian	76
	Kerangka Teori	76
	Kerangka Konsepsi	85
	Pemboleh ubah Kajian	88
	Pemungutan Data	89
	Prosedur yang Dipatuhi	89
	Kaedah Kajian	91
	Tempat Kajian	94
	Populasi dan Persampelan	97
	Alat Kajian	100
	Senarai Soalan Temu Bual	100
	Pita Rakaman dan Transkripsi	102
	Tatacara Kajian	102
	Kajian Rintis	103
	Kajian Sebenar	105
	Penganalisan Data	105
	Kesimpulan	110
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	111
	Persembahan Dapatan	111
	Pendokumentasian Mantera Etnik Kedayan Sarawak	111
	Transkripsi Mantera Etnik Kedayan Sarawak dalam Dialek Kedayan	129
	Terjemahan Transkripsi Mantera Etnik Kedayan Sarawak dalam Bahasa Melayu Mengikut Tahun	197
	Analisis Model Tautan Pindaan dalam Mantera Etnik Kedayan	264
	Analisis dan Huraian Tautan Perulangan	264
	Analisis dan Huraian Tautan Kolokasi	345
	Analisis dan Huraian Tautan Penghubung Ayat	412
	Perbandingan dan Huraian Butiran Wacana Mantera dan Jenis-jenis Tautan Mengikut Jenis Mantera	451
	Aspek Bilangan Mantera dan Stanza	451
	Aspek Baris	454

Aspek Ikatan Tautan	455
Analisis Tertinggi dan Terendah Antara Butiran Wacana Mantera	457
Tautan Perulangan	459
Tautan Kolokasi	461
Tautan Penghubung Ayat	463
Analisis Tertinggi dan Terendah Antara Wacana Mantera dalam Tiga Jenis Tautan Utama	465
Aspek Jarak	471
Analisis Tertinggi dan Terendah Antara Jarak dalam Wacana Mantera	474
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	478
Analisis Model Tautan Pindaan	478
Rasional dari Segi Tautan Perulangan	479
Rasional dari Segi Tautan Kolokasi	491
Rasional dari Segi Tautan Penghubung Ayat	497
Implikasi Dapatan Kajian	502
Kesimpulan	510
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	511
Pengenalan	511
Rumusan	511
Dapatan Bentuk Perkiraan	511
Hasil-hasil Pendokumentasian Mantera	516
Analisis Tautan	518
Cadangan Kajian Selanjutnya	542
Kesimpulan	544
BIBLIOGRAFI	546
LAMPIRAN	560
BIODATA PENULIS	612



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Banci Penduduk Bumiputera Sarawak Mengikut Etnik dari 1995 – 1999	22
2 Komposisi Penduduk Bumiputera Lain atau <i>Other Indigenous Peoples</i> Sarawak 1991 dan 2002	23
3 Peringkat Pertama Jadual Matrik Hoey (1991)	61
4 Jenis Tautan dalam Korpus	67
5 Purata Bilangan dan Panjang Rantaian Tautan	68
6 Bilangan dan Peratus Mantera Mengikut Jenis	75
7 Matrik Perulangan	84
8 Ekstrak Matrik Perulangan	85
9 Matrik Korelasi	98
10 Perincian Butiran Tautan Model Tautan Pindaan	111
11 Tautan Perulangan dan Subjenis Tautan	113
12 Tautan Kolokasi dan Subjenis Tautan	115
13 Tautan Penghubung Ayat dan Subjenis Tautan	117
14 Maklumat 20 Buah Kampung Kedayan di Daerah Lawas, Sarawak	125
15 Profil Informan Kajian	141
16 Senarai Tajuk Mantera Etnik Kedayan yang Diperoleh	142
17 Perkaitan Umur dan Bilangan Mantera Dihasilkan	148
18 Taburan Mantera Etnik Kedayan Mengikut Jenis	149
19 Klasifikasi Tajuk Mantera Etnik Kedayan Mengikut Jenis	151
20 Tautan Perulangan dan Hubungan dengan Ikatan Tautan	293



21	Taburan Kekekapan Ikatan Tautan dalam Satu Mantera bagi Tautan Perulangan	294
22	Bilangan Mantera Terlibat dan Hubungan dengan Kekekapan Ikatan Tautan dalam Tautan Perulangan	295
23	Kekekapan Tiga Bentuk Rujukan	298
24	Kekekapan Tiga Bentuk Penggantian	313
25	Kekekapan Tiga Bentuk Elipsis	320
26	Kekekapan Struktur Kata Ikatan Tautan Perulangan Leksikal	328
27	Kekekapan Struktur Frasa Ikatan Tautan Perulangan Parafrasa	343
28	Kekekapan Struktur Frasa Ikatan Tautan Perulangan Paralelisme	353
29	Kekekapan Struktur Frasa Ikatan Tautan Perulangan Struktur dan Makna Sama	359
30	Tautan Kolokasi dan Hubungan dengan Ikatan Tautan	371
31	Taburan Kekekapan Ikatan Tautan dalam Satu Mantera bagi Tautan Kolokasi	373
32	Bilangan Mantera Terlibat dan Hubungan dengan Kekekapan Ikatan Tautan dalam Tautan Kolokasi	374
33	Kekekapan Ikatan Tautan Mengikut Peringkat dalam Tautan Kolokasi Antoniman	376
34	Kekekapan Ikatan Tautan Mengikut Peringkat dan Hubungan Makna dalam Tautan Kolokasi Kohiponiman	389
35	Kekekapan Ikatan Tautan Mengikut Peringkat dan Hubungan Makna Hasil dalam Tautan Kolokasi Hasil	407
36	Kekekapan Ikatan Tautan Mengikut Peringkat dan Hubungan Makna Sifat dalam Tautan Kolokasi Sifat	419
37	Tautan Penghubung Ayat dan Hubungan dengan Ikatan Tautan	438
38	Taburan Kekekapan Ikatan Tautan dalam Satu Mantera bagi Tautan Penghubung Ayat	439



39	Bilangan Mantera Terlibat dan Hubungan dengan Kekerapan Ikatan Tautan dalam Tautan Penghubung Ayat	440
40	Kekerapan Ikatan Tautan Mengikuti Bentuk dengan Makna Tambahan Khusus dalam Tautan Penghubung Ayat Tambahan	444
41	Kekerapan Ikatan Tautan Mengikuti Bentuk dengan Makna Tentangan Khusus dalam Tautan Penghubung Ayat Tentangan	454
42	Kekerapan Ikatan Tautan Mengikuti Bentuk dengan Makna Sebab-Musabab Khusus dalam Tautan Penghubung Ayat Sebab-Musabab	461
43	Kekerapan Ikatan Tautan Mengikuti Bentuk dengan Makna Waktu Khusus dalam Tautan Penghubung Ayat Waktu	470
44	Butiran Wacana Mantera Berdasarkan Jenis Mantera	479
45	Perbandingan Secara Keseluruhan Analisis yang Tertinggi dan Terendah Antara Butiran Wacana Mantera	485
46	Bilangan Ikatan Tautan Perulangan Berdasarkan Jenis Mantera	488
47	Bilangan Ikatan Tautan Kolokasi Berdasarkan Jenis Mantera	490
48	Bilangan Ikatan Tautan Penghubung Ayat Berdasarkan Jenis Mantera	491
49	Perbandingan Secara Keseluruhan Analisis yang Tertinggi dan Terendah Antara Wacana Mantera dalam Tiga Jenis Tautan Utama	495
50	Bilangan Jarak Berdasarkan Jenis Mantera	499
51	Perbandingan Secara Keseluruhan Analisis yang Tertinggi dan Terendah Antara Jarak dalam Wacana Mantera	504



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1 Janjang Tematik Linear Mudah	46
2 Janjang Tematik Tema Tetap	47
3 Janjang Tematik Tema Induk	48
4 Janjang Tematik Rema Ganda	50
5 Kedudukan Tautan dalam Deskripsi Bahasa Inggeris dan Komponen-komponen Fungsian Sistem Semantik	52
6 Jenis Tautan Rujukan dan Contoh	53
7 Jenis Tautan Penggantian dan Contoh	54
8 Jenis Tautan Penghubung Ayat dan Contoh	55
9 Rantaian Tautan Berdasarkan Contoh (1)	69
10 Jaringan Keterikatan Antara Ayat Berdasarkan 10 Ikatan Tautan atau Lebih	86
11 Kerangka Konsepsi bagi Analisis Model Tautan Pindaan dalam Wacana Mantera	119
12 Keseluruhan Struktur Kajian Analisis Model Tautan Pindaan dan Penerapannya dalam Memperihalkan Wacana Mantera Etnik Kedayan Sarawak Bab1 – B5	120
13 Tautan Perulangan dan Hubungan dengan Ikatan Tautan	293
14 Anafora dan Katafora	303
15 Tautan Kolokasi dan Hubungan dengan Ikatan Tautan	372
16 Tautan Penghubung Ayat dan Hubungan Ikatan Tautan	438



SENARAI SINGKATAN

TP	Tautan Perulangan
TPR	Tautan Perulangan Rujukan
TPG	Tautan Perulangan Penggantian
TPE	Tautan Perulangan Elipsis
TPL	Tautan Perulangan Leksikal
TPF	Tautan Perulangan Parafrasa
TPP	Tautan Perulangan Paralelisme
TPS	Tautan Perulangan Struktur dan Makna Sama
TK	Tautan Kolokasi
TKA	Tautan Kolokasi Antoniman
TKK	Tautan Kolokasi Kohiponiman
TKH	Tautan Kolokasi Hasil
TKS	Tautan Kolokasi Sifat
TA	Tautan Penghubung Ayat
TAT	Tautan Penghubung Ayat Tambahan
TAG	Tautan Penghubung Ayat Tentangan
TAS	Tautan Penghubung Ayat Sebab-Musabab
TAW	Tautan Penghubung Ayat Waktu
TAR	Tautan Penghubung Ayat Terusan
KN	Kata Nama
KH	Kata Hubung
KK	Kata Kerja



KA	Kata Adjektif
KGD	Kata Ganti Nama Diri
KBil	Kata Bilangan
KS	Kata Sendi
KSeru	Kata Seru
Ktanya	Kata Tanya
KGanda	Kata Ganda
KTunjuk	Kata Tunjuk
KPartikel	Kata Partikel
KPenegas	Kata Penegas
KBantu	Kata Bantu
KNafi	Kata Nafi
KArah	Kata Arah
KPembenar	Kata Pembenar
PD	Jenis Mantera Pakaian Diri
PP	Jenis Mantera Perbomohan dan Perbidanan
PK	Jenis Mantera Pembantu dalam Pekerjaan
PU	Jenis Mantera Kegunaan dalam Upacara
()	Bilangan Mantera



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Masyarakat Kedayan di Sarawak

Negeri Sarawak didiami oleh pelbagai kumpulan etnik yang mempunyai adat resam, bahasa dan cara hidup yang berlainan. Walaupun setiap etnik itu hidup di bawah satu pentadbiran, mereka masih mengamalkan kepercayaan, kebudayaan dan menuturkan bahasa masing-masing. Tempat tinggal mereka juga seolah-olah satu pembahagian dan pengasingan. Secara umumnya majoriti penduduk luar bandar tinggal secara berasingan di antara satu suku kaum dengan suku kaum lain. Jarang sekali didapati orang Kedayan sekampung dengan orang Iban. Suku kaum seseorang itu dapat dirujuk pada tempat tinggalnya (Julayhi Tani, 1991).

Penduduk Sarawak terbahagi kepada dua kategori, iaitu *native* atau bumiputera dan *immigrants* atau pendatang asing. Kategori bumiputera terbahagi lagi kepada bumiputera dan bumiputera lain. Etnik Kedayan bersama-sama dengan suku-suku kaum lain seperti Kenyah, Kayan, Lun Bawang, Kelabit, Bisaya, Kajang, Penan, Kumpulan Asli lain (Sarawak) dan Kumpulan Asli lain (Sabah) tergolong dalam *Other Indigenous Peoples* atau Kumpulan Bumiputera lain yang berjumlah 111,500, 112,900, 114,200, 115,700, dan 117,400 orang, masing-masing mulai tahun 1995 hingga 1999 yang ditunjukkan dalam Jadual 1.



Jadual 1: Banci Penduduk Bumiputera Sarawak Mengikut Etnik Dari 1995-1999

Kumpulan Etnik	1995	1996	1997	1998	1999
Bumiputera	1,313,300	1,335,800	1,358,500	1,381,900	1,405,700
Melayu	398,700	407,600	416,600	425,800	435,000
Bumiputera Lain	914,600	928,200	941,900	956,100	970,700
Melanau	105,500	107,200	109,000	110,900	112,800
Iban	544,200	552,100	559,800	567,800	576,000
Bidayuh	153,400	156,000	158,900	161,700	164,500
Kumpulan Bumiputera lain/ <i>Other Indigenous Peoples</i>	111,500	112,900	114,200	115,700	117,400
Cina	514,200	521,600	529,300	536,900	544,400
Kaum lain (India, Indonesia, Eurasian dan sebagainya)	17,200	17,500	17,800	18,300	18,700
Bukan Warganegara Malaysia	40,500	44,400	48,600	53,200	58,300
Jumlah	1,885,200	1,919,300	1,954,200	1,990,300	2,027,100

Sumber: Chang Pat Foh (1999). *Legends and History of Sarawak*. Kuching: Lee Ming Press Co.

Dalam kategori Bumiputera lain, etnik Kedayan menunjukkan bilangan penduduk yang amat kecil berbanding kaum Iban, Bidayuh, Melanau, Kenyah, dan Kayan sepanjang tempoh 10 tahun, iaitu bermula tahun 1991 hingga 2000 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Dalam Banci Penduduk Sarawak 1991 jumlah Bumiputera lain ialah 810,149 orang dan daripada jumlah itu, penduduk Kedayan berjumlah 13,561 orang. Ini bererti berbanding penduduk bumiputera lain jumlah penduduk Kedayan sangat rendah seperti perincian dalam Jadual 2 berikut: